



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN
KOD KURSUS : DSM2133
PEPERIKSAAN : JUN 2023
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (20 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

.

.



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

1. Manakah antara berikut merupakan dokumen yang berkaitan dengan kontrak yang perlu ditandatangani sebelum bertugas di sesebuah syarikat?
- A Kontrak perkhidmatan.
 - B Kontrak untuk perkhidmatan.
 - C Kontrak bekerja sepenuh masa.
 - D Kontrak bekerja sementara waktu.

2.

Pengurus : Kamal, saya mahu kamu mencari kontraktor luar untuk membersihkan kawasan bangunan syarikat kita.

Kamal : Baiklah. Boleh saya tahu berapa lama Encik Hafiz perlukan kontraktor untuk melakukan kerja-kerja pembersihan?

Pengurus : Saya mahukan kerja-kerja pembersihan itu dilakukan hanya 3 minggu sahaja.

Kamal : Baiklah Encik Hafiz.

Dialog 1

Berdasarkan **Dialog 1** di atas, mengapakah majikan bersetuju untuk mengambil kontraktor luar melakukan kerja-kerja pembersihan di syarikatnya?

- i. Masalah disiplin dan ketidakhadiran mudah dikawal.
 - ii. Pembayaran dibuat berdasarkan kerja yang dilakukan.
 - iii. Pengurangan kos perbelanjaan yang diperlukan bagi menjalankan perniagaan.
 - iv. Memerlukan kos penyediaan kerana kontraktor tidak mempunyai pengalaman melakukan tugas.
- A i, ii dan iii.
 - B i, iii dan iv.
 - C ii, iii dan iv.
 - D i, ii, iii dan iv.

3. Ameena masih belum menerima upah pada bulan Januari 2022. Jika upah Ameena sepatutnya dibayar pada 25 Januari 2022. berapa lamakah tempoh masa majikannya untuk membayar upah Ameena?
- A 5 hari.
 - B 6 hari.
 - C 7 hari.
 - D 10 hari.
4. Pekerja di Syarikat Drink Sdn. Bhd. telah menuntut bonus tahunan daripada majikan semasa penularan Covid-19 pada tahun 2020. Pada pandangan anda, bonus apakah yang dituntut oleh pekerja walaupun syarikat sedang mengalami kerugian pada waktu tersebut?
- A Bonus tahunan.
 - B Bonus prestasi.
 - C Bonus kontraktual.
 - D Bonus bukan kontraktual.

5. Praveena baru diterima bekerja sebagai pekerja am elektrik di sebuah syarikat kejuruteraan. Dia juga merupakan satu-satunya pekerja wanita di syarikat berkenaan. Apakah perlindungan yang berhak diterima oleh Praveena di bawah Seksyen 37 Akta Kerja 1955?
- i. Faedah bersalin terhadap kepada tiga orang anak sahaja.
 - ii. Layak menerima elaun bersalin tanpa mengira kelayakan gaji.
 - iii. Pekerja wanita layak mendapat cuti bersalin minimum berkhidmat dengan majikan selama 2 bulan.
 - iv. Adalah menjadi kesalahan majikan yang menamatkan perkhidmatan pekerja wanita yang sedang dalam cuti bersalin kecuali atas alasan penutupan syarikat.
- A i dan ii.
B ii dan iv.
C i, ii dan iii.
D i, iii dan iv.
6. Hanif didapati bersalah kerana membuat gangguan seksual di tempat kerja. Semasa siasatan dalaman dijalankan Hanif telah digantung kerja selama
- A 2 minggu.
 - B 3 minggu.
 - C 4 minggu.
 - D 5 minggu.

7.

<p>MEMO ARAHAN KEPADA JURI SIASATAN DALAMAN</p> <p>1. Keputusan siasatan dalaman tidak perlu diberitahu kepada tertuduh.</p> <p>2. Keputusan siasatan dalaman adalah muktamad dan kes tidak akan didengari semula.</p> <p>Yang benar, <i>Amad Albab</i></p>
--

Pernyataan 2


Apakah yang akan terjadi sekiranya berlaku kesilapan pada prinsip keadilan asasi dalam memo arahan di atas?

- A Tertuduh tidak dapat mempertahankan diri.
- B Tertuduh tidak dapat meneruskan pekerjaannya.
- C Siasatan dalaman akan lebih cenderung menjadi berat sebelah.
- D Juri hanya mendengar kenyataan dan bukti dari sebelah pihak sahaja.

8. Manakah antara berikut merupakan situasi yang benar mengenai hak majikan terhadap salah laku pekerja?

A	Situasi 1	Tanggungjawab Encik Rahim sebagai pekerja adalah memastikan kerja yang dilakukan bersesuaian.
B	Situasi 2	Pegawai menilai pekerja mengikut hasil kerja yang dilakukan oleh pekerja.
C	Situasi 3	Encik Alim diarahkan untuk menghadiri kursus "Pembinaan Sistem Perangkaan" sedangkan beliau merupakan Jurutera Kimia.
D	Situasi 4	Tuan Mokhtar memberhentikan Marlissa atas sebab Marlissa tidak hadir kerja lima hari berturut-turut tanpa alasan yang kukuh.

9. Bagi hukuman salah laku, pekerja mempunyai hak membuat rayuan. Manakah antara berikut adalah **benar** tentang hak membuat rayuan?
- Keputusan Ketua Pengarah perlu dipatuhi.
 - Membuat aduan bertulis kepada Ketua Pengarah.
 - Aduan dibuat dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan.
 - Ketua Pengarah boleh menyiasat, mengesahkan dan menolak keputusan majikan.
- A i dan ii.
B i, ii dan iv.
C ii, iii dan iv.
D i, ii, iii dan iv.
10. Majikan telah menerima laporan daripada mangsa bahawa Encik Norman telah melakukan gangguan seksual di tempat kerja. Apakah tindakan yang harus diambil oleh majikan apabila menerima aduan tersebut?
- Temu duga pengadu.
 - Temu duga atau mendapatkan kenyataan bertulis daripada saksi-saksi berhubung aduan itu.
 - Buat keputusan jika ada tindakan disiplin atau tindakan lain yang bersesuaian ada diambil atau tidak terhadap pengganggu.
 - Beritahu pengadu dan pengganggu proses siasatan yang akan dijalankan dan tanggungjawab semasa penyiasatan.
- A i dan iv.
B i, ii dan iv.
C ii, iii dan iv.
D i, ii, iii dan iv.



Rajah 1

11. Rajah 1 menunjukkan
- A prosedur pemecatan.
 - B prosedur tindakan tatatertib.
 - C prosedur salah laku pekerja.
 - D prosedur siasatan dalaman.
12. Encik Halim telah bekerja di Syarikat Flyer Sdn. Bhd. selama 18 tahun. Beliau mengambil keputusan untuk berhenti kerja kerana mendapat tawaran upah yang lebih tinggi di Syarikat Almas Fly Sdn. Bhd. Bilakah tarikh akhir Encik Halim bekerja jika beliau memberikan notis pada 1 Mac 2022?
- A 25 April 2022.
 - B 26 April 2022.
 - C 25 Ogos 2022.
 - D 26 Ogos 2022.

13. Antara berikut, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh majikan untuk mengelakkan pengurangan tenaga kerja semasa penularan Covid-19 pada tahun 2019?
- i Membekukan kerja lebih masa.
 - ii Menghadkan pengambilan pekerja baru.
 - iii Pemberhentian pekerja secara sementara.
 - iv Mengurangkan gaji pekerja secara adil pada semua peringkat.
- A i dan iv.
B iii dan iv.
C i, ii dan iii.
D i,ii, iii dan iv.
14. PERKESO diamanahkan untuk memberikan jaminan rawatan, kemudahan pemulihan dan perlindungan kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan semasa menjalankan kerja. Manakah antara berikut akta yang terlibat dalam pelaksanaan PERKESO?
- i. Akta Sistem Insurans Pekerjaan (2017)
 - ii. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (1969)
 - iii. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (1967)
 - iv. Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (2017)
- A i dan ii.
B i, ii dan iii.
C i, ii dan iv.
D i, ii, iii dan iv.

15.

- Memerlukan layanan Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Khas atau Jemaah Doktor Rayuan.
- Elaun sebanyak RM500.00.

Pernyataan 3

Pernyataan 3 di atas merujuk faedah

- A perubatan.
 - B hilang upaya kekal.
 - C elaun layanan sentiasa.
 - D hilang upaya sementara.
16. Mr. Gilkary merupakan pekerja asing daripada Afghanistan. Beliau bekerja sebagai pengawal keselamatan di salah sebuah bank di Johor Bahru. Berapakah upah yang diterima olehnya selepas ditolak caruman bulanan PERKESO jika upah yang diterima sebanyak RM1500?
- A RM1481.25.
 - B RM1466.25.
 - C RM1452.75.
 - D RM1417.50.
17. Encik Fariz berusia 50 tahun dan bercadang ingin membuat pengeluaran KWSP. Manakah antara berikut merupakan pengeluaran KWSP yang boleh dipohon oleh Encik Fariz?
- i. Pengeluaran kesihatan.
 - ii. Pengeluaran pembelian rumah.
 - iii. Pengeluaran meninggalkan negara.
 - iv. Pengeluaran simpanan melebihi 1juta.
- A i dan ii.
 - B i, ii dan iii.
 - C ii, iii dan iv.
 - D i, ii, iii dan iv.

18. Ana baru bekerja di sebuah syarikat selama sebulan dan ingin mengetahui tentang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Manakah antara jenis bayaran berikut yang boleh dikenakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)?
- A Komisen.
 - B Ganjaran.
 - C Elaun perjalanan.
 - D Bayaran kerja lebih masa.
19. Razif merupakan pekerja baharu di Syarikat Pataya Sdn. Bhd. yang masih belum mempunyai nombor pendaftaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Manakah antara berikut merupakan kaedah yang boleh digunakan oleh Razif untuk membuat pendaftaran KWSP tersebut?
- A i-Sinar.
 - B Kiosk KWSP.
 - C i-Akaun Pekerja.
 - D Mesin Automatik Majikan.
20. Cik Qaisara merupakan seorang pekerja di Syarikat Annas Besi Sdn. Bhd. Beliau dipaksa melakukan kerja lebih masa sehingga 50 jam seminggu sehingga mengalami masalah kesihatan yang berpanjangan. Bagaimanakah cara Cik Qaisara untuk membuat aduan?
- A Cik Qaisara boleh menelefon pihak Kesatuan Sekerja.
 - B Cik Qaisara perlu memberitahu pihak pengurusan terlebih dahulu.
 - C Cik Qaisara perlu pergi ke Jabatan Tenaga Kerja untuk membuat aduan.
 - D Cik Qaisara perlu mendapat kebenaran dan nasihat daripada Jabatan Sumber Manusia sebelum membuat aduan.

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Jelaskan perkara-perkara di bawah Seksyen 60D Akta Kerja 1955.
(6 markah)
- b. Berapa lamakah tempoh cuti tahunan bagi seorang pekerja yang berkhidmat di syarikat swasta mengikut Akta Kerja 1955?
(4 markah)

SOALAN 2

- a. Huraikan prinsip *audi alteram partem* dalam prinsip keadilan asasi.
(6 markah)
- b. Bincangkan hukuman bagi salah laku seseorang pekerja.
(4 markah)

[20 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Huraikan keadaan-keadaan yang membenarkan majikan membuat potongan kepada gaji pekerja. Jawapan anda mesti merujuk Akta Kerja 1955.

(10 markah)

SOALAN 2

Terangkan prosedur siasatan dalaman.

(10 markah)

SOALAN 3

Encik Amirul merupakan pekerja yang telah lama berkhidmat di Syarikat *Grabfood*. Ketika membuat penghantaran makanan, beliau mengalami kemalangan yang mengakibatkan kehilangan kedua-dua kakinya. Sebagai Pegawai Sumber Manusia di Syarikat *Grabfood*, kenal pasti faedah yang boleh diterima oleh Encik Amirul.

(12 Markah)

SOALAN 4

Puan Fathia telah membuat aduan di Jabatan Tenaga Kerja kerana majikannya belum melaksanakan Perintah Gaji Minimum 2022. Pada pengetahuan anda, apakah fungsi Jabatan Tenaga Kerja?

(8 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

